



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

KERATAN AKHBAR KESUMA”

”

SELASA
21 April 2026





MAJIKAN bertanggungjawab memastikan keselamatan pekerja termasuk perlindungan daripada risiko haba.

Bahaya terdedah panas melampau di tempat kerja

DALAM beberapa minggu kebelakangan ini, Malaysia mencatatkan peningkatan suhu harian yang ketara apabila beberapa kawasan merekodkan suhu melebihi 35 darjah Celsius.

Di Kedah dan Perlis, suhu bahkan mencapai tahap amaran dua antara 37 hingga 40 darjah Celsius selama tiga hari berturut-turut. Keadaan ini menunjukkan risiko cuaca panas melampau semakin membimbangkan.

Bagi kebanyakan masyarakat, keadaan ini hanya menimbulkan ketidakelesaan, namun bagi pekerja tertentu, ia menjadi realiti harian.

Pekerja binaan, penghantar makanan dan pengutip sisa pepejal bekerja di bawah terik matahari untuk tempoh panjang. Situasi ini bukan sekadar mengganggu keselesaan, malah mengancam keselamatan dan kesihatan mereka.

Cuaca panas melampau merupakan ancaman kepada pekerjaan yang serius dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Tekanan haba berlaku apabila tubuh gagal mengawal suhu dalaman akibat pendedahan berterusan. Keadaan ini menyebabkan keletihan haba, dehidrasi, kekejangan otot dan boleh membawa kepada strok haba yang mengancam nyawa.

Simptom awal seperti pening, loya dan keletihan sering dipandang ringan sedangkan ia tanda amaran serius. Pekerja yang tidak mengurus keadaan ini berdepan risiko kemalangan akibat penurunan fokus dan keupayaan fizikal. Golongan berisiko termasuk pekerja luar, pekerja ladang, penyelenggaraan jalan raya serta pekerja industri panas.

Di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, majikan bertanggungjawab

memastikan keselamatan pekerja termasuk perlindungan daripada risiko haba. Kegagalan mengurus risiko ini boleh dianggap kecuai kerana ia boleh dijangka dalam cuaca semasa.

Ia turut menjejaskan produktiviti organisasi apabila pekerja menjadi lemah, melakukan kesilapan dan meningkatkan risiko kemalangan. Oleh itu, majikan perlu mengambil langkah pencegahan yang praktikal dan kos efektif tanpa menunggu pelaburan besar.

Antara langkah asas ialah menyediakan air minuman mencukupi, kawasan rehat berteduh, serta pelarasan jadual kerja seperti mengelakkan aktiviti berat pada tengah hari. Sistem kerja dan rehat berkala juga membantu mengurangkan tekanan haba.

Contohnya, sekolah di Kedah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) apabila suhu mencapai tahap amaran, manakala sesetengah sekolah mengekalkan sesi bersemuka dengan pengudaraan dan bekalan air mencukupi. Kedua-dua pendekatan ini menunjukkan pengurusan risiko yang berkesan.

Majikan juga perlu meningkatkan kesedaran pekerja melalui taklimat berkala tentang tanda awal tekanan haba dan tindakan segera yang perlu diambil.

Cuaca panas melampau kini menjadi realiti baharu yang memerlukan tindakan serius semua pihak. Majikan bukan sahaja melindungi pekerja, malah memastikan kelancaran operasi dan keselamatan tempat kerja.

TS. DR. SYAZWAN SYAH ZULKIFLY
Pensyarah Kanan dan Pengamal Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan,
Universiti Utara Malaysia (UUM)

Majikan disaran pertimbang cuti haji

- Pekerja boleh memohon cuti tahunan
- Boleh ambil cuti tanpa gaji jika baki tidak mencukupi

Oleh AMIR HAIKAL KAMARUDIN

PETALING JAYA – Majikan di negara ini disaran mempertimbangkan permohonan cuti pekerja bagi menunaikan ibadah haji, khususnya bagi mereka yang pertama kali mendapat peluang ke Tanah Suci.

Majikan tolak cuti suami pergi haji

Oleh MUHAMMAD ZIKRI

PONTIAN – Seorang wanita suru- ga emas sayu apabila terpaksa menunaikan haji bersendirian se- lepas suaminya tidak mendapat pelepasan cuti daripada majikan untuk menunaikan Rukun Islam kelima itu.

kan haji pada tahun ini disebabkan oleh Tabung Haji (TH), namun bertukar sebab apabila mendapat tahu pasangannya, Rahman Has- san, 62, tidak dapat ikut serta ke Tanah Suci.

Katanya, suaminya yang beker- ja di sektor swasta tidak dibenar- kan bercuti selama 45 hari haji

dan daripada Allah. Saya anggap ini rezeki dan peluang yang tidak boleh dilepaskan.

"Saya berasa senang bersyukur apabila per- wajaan per- seorangan RM15,000 (340)," katanya

**KERATAN
muka depan
KOSMO!
semalam.**

prihatin, alasan diberikan peker- ja perlu dipertimbangkan sewajarnya," katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Katanya, perkara itu lebih wajar diberi perhatian khusus sekiranya melibatkan ibadah haji kali pertama yang menjadi tun- tutan penting dalam kehidupan seorang Muslim.

Kosmo! semalam melapor- kan, seorang wanita warga emas sayu apabila terpaksa menunaikan haji bersendirian selepas suaminya tidak mendapat pe- lepasan cuti daripada majikan untuk menunaikan Rukun Islam kelima itu.

Hasnah Ahmad, 60, berkata, pada mulanya dia bersyukur se- lepas rayuannya untuk menunaikan haji pada tahun ini diluluskan oleh Tabung Haji (TH), namun bertukar sebab apabila menda- pat tahu pasangannya, Rahman Hassan, 62, tidak dapat ikut serta ke Tanah Suci.

Katanya, suaminya yang be- kerja di sektor swasta tidak dibenarkan bercuti selama 45 hari bagi menemaninya ke Mekah.

"Sedih memang ada, tetapi sa- ya reda kerana ini adalah panggilan daripada Allah. Saya anggap ini rezeki dan peluang yang tidak boleh dilepaskan," katanya.

BERSEKUTUAN